

**Pelarian Islam tidak pernah serang kami, kata AS  
Free Malaysia Today  
Ogos 5, 2016**

**Insiden keganasan dilakukan oleh mereka yang berada di dalam Amerika Syarikat atau melawat negara itu secara sah dan bukannya oleh pelarian yang telah ditempatkan semula.**

BUENOS AIRES: Serangan keganasan ke atas Amerika Syarikat tidak pernah dilakukan oleh pelarian yang ditempatkan semula di negara itu, kata Setiausaha Negara Amerika Syarikat, John Kerry.

“Pengalaman kami sepanjang operasi pencegahan keganasan mendapati, tiada satu pun insiden di Amerika Syarikat yang pernah dilakukan oleh pelarian yang masuk ke negara ini,” kata Kerry kepada AFP dalam sidang akhbar di Argentina.

Menurut Kerry, insiden keganasan dilakukan oleh mereka yang berada di dalam Amerika Syarikat atau melawat negara itu secara sah dan bukannya oleh pelarian yang telah ditempatkan semula.

Komen beliau menyentuh isu sensitif menjelang pilihan raya presiden Amerika Syarikat pada November ini.

Pencabar Republikan, Donald Trump sebelum ini menggesa agar pelarian Syria dihalang daripada memasuki Amerika Syarikat kerana kemungkinan ada penganas dalam kalangan mereka.

Kerry berkata demikian mengulas aspek keselamatan berhubung keputusan Argentina untuk menerima masuk 3,000 pelarian dari Syria.

“Kami membangunkan sistem saringan yang telus dengan pemeriksaan latar belakang yang sangat terperinci terhadap setiap pelarian yang dibawa masuk,” kata Kerry.

“Kami amat selesa membawa masuk mereka yang bakal menjadi nilai tambah yang besar kepada negara kami dan kami percaya mereka akan menjadi nilai tambah kepada negara anda juga.”

Dianggarkan terdapat lebih daripada tiga juta orang komuniti Syria dan Lubnan di Argentina.

Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama dijadual menjadi tuan rumah sidang kemuncak mengenai pelarian di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York pada bulan September.

**Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.**

Source: <http://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/2016/08/05/pelarian-islam-tidak-pernah-serang-kami-kata-as/>